

# PENGAJARAN MEMBACA BAGI KANAK-KANAK MELALUI KAEDAH BAHASA MENYELURUH\*

## PENGENALAN

**M**ANUSIA sentiasa berusaha agar mampu membaca, dan menterjemahkan pelbagai simbol dan kejadian yang ada dalam diri, lingkungan dan alam sekitar, supaya menjadi suatu yang aktual dan realiti supaya dapat dimanfaatkan. Tidaklah mudah melaksanakan aktiviti membaca menjadi sesuatu yang bermakna, terutama bagi kanak-kanak yang baru mempelajari bahasa. Oleh itu, kaedah dan pendekatan yang tepat perlu digunakan. Dalam makalah ini, penulis akan menghuraikan suatu kaedah membaca dengan menggunakan kaedah pembelajaran bahasa menyeluruh (whole language).

## PENGERTIAN BAHASA MENYELURUH (WHOLE LANGUAGE)

KONSEP bahasa menyeluruh telah diperkenalkan oleh Jerome Harrste dan Carolyn Burke pada tahun 1977. Selepas itu Dorothy Watson menyusul dengan istilah *Teachers Applied Whole Language* (TAWL) pada tahun 1978 dan kemudiannya Ken Goodman mem-

perkenalkan kaedah ini dengan nama *Whole Language Comprehension-Centered Reading Program* pada tahun 1979. Penggunaan kaedah bahasa menyeluruh sangat popular dalam pembelajaran bahasa selepas tahun 1980. Hal ini kerana kaedah ini mengandungi banyak keistimewaan, antara: (i) pembelajarannya melibatkan persekitaran nyata yang pasti dialami oleh kanak-kanak (ii) penyampaiannya menyeluruh dan melibatkan pelbagai disiplin ilmu (iii) penyampaian bahasa menggunakan pendekatan tematik, kurikulumnya disusun berdasarkan pendekatan fungsional dan mengikut keperluan kanak-kanak yang mengambil kira perkembangan fizikal, sosial-emosi, mental dan intelektual seseorang kanak-kanak.

Kaedah bahasa menyeluruh telah digunakan kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah dalam mempelajari bahasa, khusus-

---

\* Makalah ini asalnya Tesis Sarjana Teknologi Maklumat yang berjudul "*Pakej Galakan Bacaan Melalui Multimedia*" karya Munir, di bawah seliaan Prof. Madya Dr. Halimah Badioze Zaman. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.

nya membaca. Walaupun terdapat banyak kaedah lain yang membincangkan pemelajaran bahasa, Kamarudin Hj. Husin (1988) menyatakan kaedah mempelajari bahasa itu termasuk kaedah tatabahasa, kaedah semula jadi, kaedah ajuk hafaz, kaedah linguistik, kaedah fonetik dan sebagainya. Kesemua yang disebutkan itu mempunyai kelebihan dan juga kelemahannya, justeru kaedah tersebut hanya menekankan satu aspek pemelajaran sahaja. Oleh itu kaedah bahasa menyeluruh menjadi alternatif pemecahan masalah yang dihadapi kaedah lain, yang mengambil kira pelbagai aspek perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak.

Kaedah bahasa menyeluruh didapati boleh membantu kanak-kanak memahami bahasa secara menyeluruh. Hal ini bermakna perkembangan bahasa kanak-kanak akan menjadi luas kerana kanak-kanak boleh belajar bahasa melalui pelbagai unsur yang berkait dengan bahasa tersebut dan tidak terhad kepada satu perkataan, ayat atau tema tertentu sahaja. Ferguson (MacHado 1995) menyatakan bahawa kaedah bahasa menyeluruh penting untuk meningkatkan kecekapan kanak-kanak dalam penguasaan menulis, mendengar dan membaca.

Sementara itu, Lapp dan Flood (1992) menyatakan kaedah bahasa menyeluruh boleh diertikan sebagai suatu falsafah daripada kaedah pembelajaran bahasa. Hal ini disebabkan bahasa adalah fenomena semula jadi. Kecekapan membaca dan menulis berlaku kerana fungsi semula jadi bahasa. Penemuan pengetahuan yang berhubung dengan pengembangan bahasa berdasarkan keaslian, sifat semula jadi, pengalaman di dunia yang nyata dan pembelajaran bahasa yang didapati berlaku melalui kegiatan membaca dan menulis.

Bergeron (Marrow 1993) mendefinisikan kaedah bahasa menyeluruh sebagai suatu konsep yang merangkumi dua falsafah penyokong iaitu perkembangan bahasa dan pendekatan pengajaran. Dalam konsep ini, telah dimasukkan penggunaan literatur nyata dan pengalaman kehidupan, selain penulisan

yang mengandungi makna, fungsi dan kesepaduan pengalaman yang dapat menambahkan motivasi dan minat kanak-kanak dalam proses pembelajaran.

Sehubungan dengan itu, perlu juga ditambahkan huraian daripada tokoh Cullinan (MacHado 1995). Beliau mendefinisikan kaedah bahasa menyeluruh sebagai kekayaan yang dimiliki setiap manusia. Kaedah ini berpusat kepada bacaan atau program gabungan seni bahasa. Sekiranya Cullinan berpendapat pembelajaran bahasa adalah lebih berkesan dengan menggunakan pendekatan bahasa menyeluruh yang bermakna dan berfungsi, maka MacHado (1995) mendefinisikan kaedah bahasa menyeluruh sebagai suatu falsafah yang menganjurkan kanak-kanak mempelajari kecekapan bahasa, bermula daripada belajar tingkah laku semula jadi dengan mengikut panduan pembelajaran bercakap.

## CIRI-CIRI BAHASA MENYELURUH

PEMELAJARAN bahasa mengikut kaedah bahasa menyeluruh telah dijelaskan oleh Ferguson (1993), Lapp dan Flood (1992), Bergeron (1993), Cullinan (1995) dan MacHado (1995). Mereka telah menunjukkan ciri-ciri pembelajaran bahasa seperti berikut: menyeluruh (*whole atau cooperative experiences*), bermakna (*meaningful*), berfungsi (*function*) dan semula jadi (*natural/authentic*).

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, ciri-ciri kaedah bahasa menyeluruh boleh dinyatakan seperti berikut:

### 1. Menyeluruh

Pengertian menyeluruh dalam kaedah bahasa menyeluruh ialah pembelajaran bahasa yang melibatkan pelbagai aspek untuk menyokong berlakunya pembelajaran bahasa. Antara aspek penyokong itu adalah: (1) pengucapan fonem, (2) perkataan dan ayat (gramatikal), (3) literatur yang menjadi bahan bacaan, dan (4) media pembelajaran yang digunakan.

**Pengucapan Fonem.** Istilah lain untuk kaedah pengucapan fonem adalah keseluruhan kata (*whole word*). Hal ini bererti proses

pemelajaran membaca kanak-kanak dengan cara membaca seluruh perkataan atau huruf yang ada di dalam teks tanpa disekat-sekat kepada bahagian-bahagian huruf ataupun suku kata. Contohnya ialah perkataan "MALAYSIA" harus dibaca secara keseluruhan dengan bunyi "MALAYSIA" dan bukannya "M-A-L-A-Y-S-I-A" atau "Ma-lay-sia". Kaedah ini tentu menyukarkan kanak-kanak yang belum mengenal erti dan pengucapan huruf ataupun suku kata. Namun, pemelajaran cara itu akan lebih membantu pemahaman yang lebih luas kepada kanak-kanak. Dalam pemelajaran melalui kaedah ini pengajar harus memberi motivasi, contoh, peneguhan dan penyampaian yang menarik, menyeronokkan agar kanak-kanak berminat untuk terus belajar membaca.


**Penggunaan media.** Dalam kaedah pemelajaran bahasa menyeluruh, tekanan diberikan kepada penggunaan pelbagai media untuk dapat menyepadukan berapa deria kanak-kanak. Antaranya ialah deria penglihatan, pendengaran, perasaan, pengucapan dan sentuhan. Sehubungan itu, John Amos Comenius (Jeng-Yi Tzeng 1996) menegaskan betapa perlunya penyampaian pendidikan melalui penglibatan beberapa deria. Sebab-sebab yang diberikan oleh beliau ialah pelbagai alat-alat atau objek-objek perlu sentiasa dekat dengan kanak-kanak untuk dipegang, disentuh dan dirasa. Comenius menekankan bahawa pemelajaran bagi kanak-kanak memerlukan penglibatan pelbagai dimensi dan deria. Bagi tujuan ini, penggunaan multimedia dapat membantu melicinkan proses pemelajaran bahasa, kerana multimedia mempunyai kemampuan untuk menyepadukan pelbagai media seperti: suara, teks, imej, animasi dan video.

**Bahan Bacaan.** Sumber bacaan bagi kanak-kanak yang mengikut kaedah bahasa menyeluruh tidak terhad. Apa saja bahan bacaan yang dapat menyokong perkembangan minat membaca seharusnya digalakkan. Pendapat itu diakui MacHado (1995) yang menjelaskan "*All sorts of literature (instead of Basal readers) are used in whole language classroom. including posters, comics, classic litera-*

*ture, quality books, magazines and newspapers to mention a few.*"

## 2. Tematik

Tematik bermakna pemelajaran bahasa yang diberikan kepada kanak-kanak harus mengandungi makna-makna yang saling berhubungan dan mempengaruhi. Pemelajaran dengan menggunakan pendekatan tematik ini memastikan pemelajaran bahasa tidak mengelirukan kanak-kanak dalam memahami kandungan bacaan. Tema yang diperkenalkan selalu berhubungkait dengan kehidupan persekitaran kanak-kanak. Contoh pemelajaran tematik dapat dilihat dalam rajah di bawah ini:



Dalam contoh di atas perkataan "MAKAN" diperkenalkan kepada kanak-kanak, termasuk yang berkenaan dengan makan, seperti sayur, lauk, minum, nasi dan tatacara makan. Inilah yang tersirat di sebalik peribahasa "sekali merengkuh dayung satu dua pulau terlampaui". Ertinya bila satu perkataan diperkenalkan kepada kanak-kanak hasilnya dua tiga perkataan lain dapat dipelajari serentak.

## 3. Berfungsi

Berfungsi dalam kaedah bahasa menyeluruh bermaksud bermanfaat atau berfaedah bagi kanak-kanak. Faedah yang menjadi tuntutan adalah meliputi aspek kognitif yang meliputi perkembangan intelektual dan afektif. Kesemua itu, berhubungkait dengan sosioemosi dan psikomotor yang melibatkan kecergasan bergerak pada diri kanak-kanak. Fungsi perka-

taan "MAKAN" itu pada dasarnya supaya sihat dan kuat.

#### 4. Semula jadi

Perkembangan bahasa dipengaruhi aspek semula jadi seseorang kanak-kanak. Hal ini termasuk faktor semula jadi dan pengaruh persekitaran kanak-kanak. Hubungan di antara anak dengan ibu, bapa, saudara dan orang sekelilingnya sangat besar pengaruhnya terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak. Lazimnya persekitaran pembelajaran yang baik dalam keluarga akan memberi dampak yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak. Begitu juga sebaliknya: pembelajaran yang negatif kadangkala akan mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak. Gangguan ini tidak hanya dalam bentuk fizikal semata-mata. Yang lebih penting adalah gangguan mental dan rohani. Jean Jacques Rousseau sangat yakin bahawa kehidupan masyarakat dan hubungan antara masyarakat yang dilaksanakan dengan baik akan melahirkan pengaruh positif terhadap perkembangan kanak-kanak. (Jeng-Yi Tzeng 1996).

### IMPLEMENTASI KAEDAH BAHASA MENYELURUH DI BILIK DARJAH

MENURUT Judith M. Newman dan Susan M. Church (De Carlo 1995): *"Whole language is a philosophy of learning and teaching, based on a number of fundamental assumptions"*. Hal ini dikatakan sedemikian kerana di dalamnya meliputi pelbagai bidang ilmu: ilmu bahasa, ilmu pedagogi, ilmu psikologi perkembangan dan ilmu psikolinguistik. Dalam makalah ini penekanan kaedah bahasa menyeluruh lebih ditumpukan kepada pengajaran bahasa dan pembelajaran membaca di kalangan kanak-kanak.

Pada dasarnya, semua kanak-kanak suka akan cerita-cerita kepahlawanan dan cerita moral yang membezakan perbuatan baik dan buruk, sama ada cerita yang berbentuk kreatif, fantasi atau fiktif. Oleh sebab itu elok digunakan kaedah bahasa menyeluruh dengan pendekatan bercerita dalam pengajaran membaca bagi kanak-kanak. Sehubungan itu

Halimah Badioze Zaman (1997) telah mereka program BAWAL yang khas untuk melengkapi koleksi bacaan kanak-kanak peringkat usia 4 hingga 8 tahun. Pembelajaran bahasa dengan menggunakan teknik bercerita ini didapati sungguh berkesan dalam meningkatkan minda kanak-kanak, menghaluskan perasaan dan juga meningkatkan kecekapan dalam meniru nilai-nilai serta perbuatan-perbuatan positif yang terdapat dalam buku cerita. Disebabkan suka mendengar cerita, mereka akan berusaha untuk meniru tindak-tanduk watak-watak di dalam cerita tersebut.

Dalam proses pembelajaran, setiap kanak-kanak akan diperlakukan sebagai individu dewasa yang boleh menentukan aktiviti yang mereka suka di bilik darjah. Walaupun proses pembelajaran itu dirancang mengikut topik yang ingin ditonjolkan, tetapi mereka bebas berinteraksi antara satu sama lain. Mereka bebas membaca, menulis, mengucap dan mendengar untuk satu tempoh masa di satu tempat yang tertentu. Dalam tempoh itu mereka mengaktualisasikan apa yang telah dibaca dalam bentuk tulisan atau lukisan dan kemudian memperagakan segala-galanya itu mengikut pengalaman yang ada. Tugas guru sebagai fasilitator dalam proses mempersiapkan keperluan kanak-kanak di samping memberi motivasi untuk menggalakkan mereka belajar. Dalam mengaktualisasikan kaedah pembelajaran dengan menggunakan kaedah bahasa menyeluruh dan pendekatan bercerita, beberapa langkah yang perlu diketahui ialah:

#### Persiapan Pembelajaran

Sebelum pembelajaran dimulakan guru dikehendaki mengadakan pelbagai persiapan. Antaranya ialah bahan pelajaran, menentukan jenis media yang akan digunakan, mengkondisikan bilik darjah agar kanak-kanak merasa selesa untuk belajar dan juga membuat persediaan sendiri serta memberi motivasi agar kanak-kanak mahu belajar. Di sini kanak-kanak hendaklah dilibatkan untuk menentukan bahan pelajaran yang akan dipelajari. Partisipasi mereka amatlah diperlukan dalam setiap perubahan yang terjadi dalam proses pembelajaran itu. Partisipasi itu

tertakluk kepada peranan dan kemampuan masing-masing.

### **Pemilihan Media Pembelajaran**

Jenis media yang dipilih seelok-eloknya ialah yang boleh mencetuskan penglibatan deria termasuk deria penglihatan, pendengaran, pengucapan dan sentuhan. Kesemua deria ini perlu bergabung dalam setiap aktiviti membaca, mendengar, menulis dan memperagakannya. Oleh itu, pengajar seharusnya berusaha untuk menggunakan media pembelajaran yang dapat menyentuh lebih daripada satu deria. Hal ini disebabkan setiap pelajar itu berbeza kebolehan menerima pembelajaran melalui deria yang mereka senangi. Penggabungan banyak media boleh membuka peluang lebih luas kepada mereka menggunakan deria yang disenanginya. Dengan itu, dapatlah mereka menerima pembelajaran dengan lebih baik. Hal ini telah dihuraikan dalam teori "*preferred modality*" (Halimah Badioze Zaman 1996).

Memandangkan lebih banyak media dilibatkan, lebih berkesanlah pembelajaran melalui penggunaan multimedia memang sesuai dalam pengajaran bahasa kepada kanak-kanak. Antara sebabnya ialah multimedia menyepadukan media; teks, suara, gambar, animasi, grafik dan video dalam satu perisian digital untuk membolehkan kanak-kanak berinteraktif sendiri dengan program itu sehingga mereka boleh belajar sendiri. Keistimewaan lain multimedia ialah pembelajaran itu tanpa perlu kehadiran guru.

Sehubungan itu, Schade (Hoogeveen 1995) menyatakan, "*Multimedia improves sensory stimulation, particularly due to the inclusion of interactivity*". Sekadar menyatakan bahawa, seseorang yang membaca sendiri itu daya serapnya ialah 1%, tetapi daya serap itu meningkat 25%–30% bila menggunakan media TV. Daya serap itu melonjak sebanyak 60% bila menggunakan 3D. Daripada kajian itu Heller (Hoogeveen 1997) merumuskan: "*A strong paradigmatic belief can be noted in the*

*benevolent effects of multimedia for wide variety of application domains, particularly Multimedia Assisted Instructional (MAI)*".

### **Penilaian dan Pengayaan**

Setelah pembelajaran itu selesai, pengajar perlu menilai tingkat keberhasilan kanak-kanak itu. Dalam melaksanakan penilaian itu seluruh aktiviti yang telah diajarkan harus dilibatkan. Kanak-kanak diuji untuk membaca, menulis, melukis, bahkan mendemonstrasikan perkara yang telah dipelajarinya. Dengan penilaian menyeluruh ini, dapatlah diketahui tingkat keberhasilan kanak-kanak sesuai dengan kemampuannya. Adâ kemungkinan bahawa sesetengah kanak-kanak hanya mampu menguasai membaca, sementara yang lain menguasai menulis, menggambar atau mendemonstrasikan. Memandangkan perbezaan itu penilaian seharusnya dilaksanakan secara kolektif agar kanak-kanak dengan sendirinya boleh membandingkan tingkat keberhasilan mereka. Pujian perlu diberi kepada kanak-kanak yang menunjukkan kejayaan yang gemilang, sementara motivasi diberikan kepada kanak-kanak yang belum menguasai pembelajaran. Berdasarkan hasil penilaian itu, pengajar itu dapat mengatur langkah-langkah selanjutnya untuk meningkatkan pengayaan sebagai tindak lanjut proses pembelajaran.

## **KESIMPULAN**

MENGAJAR bahasa dengan menggunakan kaedah bahasa menyeluruh kepada kanak-kanak adalah sangat berkesan. Kaedah melibatkan seluruh kecekapan bahasa membaca, menulis, mendengar dan mengucap. Selain itu kaedah bahasa menyeluruh memudahkan kanak-kanak memahami erti bahasa dalam bentuk tingkah laku seharian. Pembelajaran melalui kaedah ini juga dapat meningkatkan wawasan kanak-kanak terhadap permasalahan bahasa. Hal ini disebabkan kaedah ini merangkumi pelbagai unsur bahasa secara menyeluruh.

## Bibliografi

- De Carlo, J.E. 1995. *Perspectives in Whole Language*. USA: Allyn & Bacon.
- Halimah Badioze Zaman 1996. Model Pakej Multimedia dalam Pendidikan (MEL): Literasi dan Model Pendekatan Kesusasteraan: Bercerita dalam Perkembangan Literasi. IRPA 04-02-02-0008.
- Halimah Badioze Zaman 1997. *Glimses Into Current Research On Literacy In Malaysia*, Faculty of Information Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail : hbz@sun1.ftsm.ukm.my
- Hoogeveen, M. 1995. *Toward a New Multimedia Paradigm: is Multimedia Assisted Instruction Really Effective*. Internet : <http://cyber-ventures.com/mh/paper/mth-edu.htm>.
- Hoogeveen, M. 1997. *Toward a Theory of the Effectiveness of Multimedia System*. Internet : <http://cyber-ventures.com/mh/paper/mmtheory.htm>.
- Hutchrroft, D.M.R., Ball, I.G., Brown, M.G. Fairbairn, J.J., Lavender, R., Watkins, B.R., 1981. *Making Language*. London : McGraw-Hill Book Company Limited.
- Jeng-Yi Tzeng 1996. *Instructional Technology Foundation : Historical Timelines Project*. Internet : <http://www.copper.vcs.Indiana.Edu/~Jtseng/Dis:page1,4,5>.
- Kamaruddin Hj. Husin 1988. *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Longmans.
- Lapp, D. & Flood, J. 1992. *Teaching Reading to Every Child*. Ed. ke-3. New York: MacMillian Publishing Company. Internet : <http://www.Indiana.Edu/Whole.html>.
- MacHado, J.M. 1995. *Early Childhood Experiences in Language Arts: Emerging Literacy*. New York: Delmar Publishers.
- Marrow, L.M. 1993. *Literacy Development in The Early Years*. Ed. ke-2. USA: Allyn & Bacon.
- McCulloch, M.T. 1994. *Phonetics-Spelling-Whole Language: How we Put Them Together for the Best of Both Worlds*. Beaverton, Oregon : The Riggs Institute. E-mail:info@riggsinst.org.
- Munir 1997. *Pakej Galakan Bacaan Melalui Multimedia*. Tesis Sarjana Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Petty, W.T. & Jansen, J.M. 1980. *Developing Children's Language*. Boston: Allyn and Bacon.
- Smith, R., 1994. *Technologies for Enhanced Learning*. Victoria: The Directorate of School Education.